



Pihak Berkuasa Kawalan Dadah
Drug Control Authority
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
MINISTRY OF HEALTH MALAYSIA

Ruj. Kami : (16) dlm. BPFK / PPP / 01 / 03
Tarikh : 20/11/08

SEMUA PEMEGANG PENDAFTARAN

Tuan,

**PERINTAH RACUN (PINDAAN SENARAI RACUN) 2008; BERKUATKUASA 21 OGOS 2008
PINDAAN KEPADA BUTIRAN 'CLOTRIMAZOLE'**

Adalah saya dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Adalah dengan ini dimaklumkan berdasarkan kepada **Perintah Racun (Pindaan Senarai Racun) 2008, [P.U.(A)279]**, yang telah diwartakan pada **21hb Ogos 2008**, butir-butir yang berhubungan dengan '**Clotrimazole**' telah dipinda seperti berikut:

FIRST SCHEDULE POISON LIST [Section 2]						
Names	Part 1				Part 2	Exempt
	Group A	Group B	Group C	Group D		
Clotrimazole	-	All preparations unless in Group C or exempted	Pessaries	-	-	Preparations containing clotrimazole as a single ingredient for external use

3. Sehubungan dengan itu, produk-produk yang mengandungi bahan aktif tunggal clotrimazole dalam bentuk dos untuk kegunaan luar sahaja seperti '*cream*', '*ointment*', '*lotion*', '*gel*', '*topical solution*' dan sebagainya adalah dikelaskan dalam kategori bukan racun berjadual, iaitu sebagai produk 'X'.

4. Sila ambil maklum bahawa kod kelas produk-produk yang terlibat ditukar daripada A kepada X TANPA melibatkan pindaan kepada No Rujukan/LOI dan No Pendaftaran produk.

CONTOH:

Lama:

No. Rujukan: 19981234A

No. Pendaftaran: 19981234A

Baru:

No. Rujukan: 19981234X

No. Pendaftaran: 19981234X

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(ABIDA HAQ BINTI SYED M HAQ)

Setiausaha

Pihak Berkuasa Kawalan Dadah

Kementerian Kesihatan Malaysia

Tmdff/-281008/-\pcscanner\Documents\Sekretariat PKKD\Tg Mira\281008

s.k :

1. Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM.
2. Pengarah Regulatori Farmasi, Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan, KKM.
3. Timbalan Pengarah Pusat Kawalan Kualiti, BPFK, KKM.
4. Ketua Pusat Komplians dan Pelesenan, BPFK, KKM.
5. Ketua Pusat Pembangunan Organisasi, BPFK, KKM.
6. Ketua Pusat Pasca Pendaftaran Produk, BPFK, KKM.
7. Pharmaceutical Association of Malaysia (PhAMA).
8. Persatuan Industri Farmaseutikal Malaysia (MOPI).